

UCAPAN ALU-ALUAN
YANG BERUSAHA DR. SHUKRI BIN MOHD
PENGARAH BAHAGIAN PENGKOMERSILAN
TEKNOLOGI
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

PADA
HARI RABU 21 SEPTEMBER 2022

JAM
08:30 PAGI

Y. Berusaha Saudara/Saudari Pengerusi Majlis,

**YANG BERUSAHA DR ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH**

Agensi Nuklear Malaysia

YANG BERUSAHA TUAN HAJI MOHAMMED HAKIM OTHMAN

Ketua Jabatan Pembangunan Teknologi

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

Y. Berusaha

.....
.....

Y. Berusaha

.....
.....

Para pembentang Kertas Kerja, Rakan-rakan kolaborasi, Dif-Dif Jemputan,
Para Akademia dan juga Wakil-wakil Media Massa

Y. Bhg. Datuk-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para
hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Selamat Pagi.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan berterima kasih kepada YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia kerana sudi menerima jemputan untuk hadir ke majlis ini dan seterusnya merasmikan **Non-Ionising Conference 2022** ini nanti. Terima kasih juga diucapkan kepada para pembentang kertas kerja serta para peserta sekalian yang sudi hadir untuk menjayakan persidangan ini. Sesungguhnya kehadiran dan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan, yang mewakili sektor awam/swasta, industri dan pengguna adalah amat dialu-alukan dan begitu penting dalam usaha Kerajaan untuk menangani isu-isu yang melibatkan orang awam seperti isu yang dibincangkan hari ini, iaitu isu sinaran tidak mengion.
2. *Conference on Non Ionising Radiation 2022* dengan tema **"Memanfaatkan Teknologi NIR dalam Norma Baharu"** adalah persidangan yang ke-10 penganjurannya oleh Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) yang merupakan satu platform untuk tuan-tuan dan puan-puan mendapatkan maklumat terkini secara terus daripada pakar-pakar dan penggubal-penggubal dasar dan *standard* dalam industri ini. Input dan maklum balas dari tuan-tuan juga adalah amat penting kepada penggubal – penggubal dasar yang berada dalam persidangan ini.
3. Kehidupan masyarakat sering mendapat dedahan radiofrekuensi (RF) oleh struktur pemancar telefon mudah alih (MTBS), sistem penyiaran, sistem radar di pangkalan tentera udara, peralatan hospital. Selain itu,

kita juga terdedah kepada sinaran elektromagnetik lampau rendah (ELF EMF) yang dihasilkan oleh kabel voltan tinggi, kenderaan awam, perkakasan elektrik di rumah dan pejabat dan pelbagai lagi aplikasi sinaran tidak mengion. Manakala, sinaran optikal iaitu sinaran Ultraviolet (UV) dan laser yang juga dikategorikan sebagai sinaran tidak mengion, merupakan aplikasi penting dalam pelbagai industri yang memberi manfaat kepada kehidupan seharian.

4. Adalah diharapkan melalui program persidangan yang telah dirangka sebegini *extensive* ini dapat memberi pendedahan yang bernilai dalam hal-hal berkaitan keselamatan yang berpunca dari sinaran tidak mengion.

5. Di sinilah pakar-pakar dari pelbagai bidang memainkan peranan peranan penting dalam mengenalpasti, menilai dan mengawal tahap pendedahan NIR kepada orang awam. Input dan maklum balas dari tuan-tuan juga adalah amat penting kepada penggubal – penggubal dasar yang berada dalam persidangan ini. Persidangan ini juga merupakan platform yang baik untuk membincangkan dapatan kajian, garis panduan, pengurusan risiko dan pendekatan terbaik bagi menyebar luas maklumat dan fakta sinaran tidak mengion.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

6. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur kerana telah dapat membuktikan kejayaan dalam pelaksanaan persidangan ini. Semoga persidangan ini dapat menyumbang kepada peningkatan keupayaan Malaysia dalam melaksanakan program-program berkaitan keselamatan sinaran tidak mengion. Saya berkeyakinan penuh bahawa perjumpaan kita pada kali ini dapat menjana idea-idea dan pembaharuan serta komitmen padu bagi menjayakan usaha-usaha lain ke arah menjamin keselamatan sinaran tidak mengion. Terima kasih kepada para hadirin dan selamat menjalani persidangan kepada para peserta sekalian.

SEKIAN,

WABILLAHITAUFIL WALHIDAYAH WASALAMMUALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABAROKATUH

TERIMA KASIH